



Hasilkan produk mampu bantu misi pasukan penyelamat ketika bencana alam



DRON Audra.



JULIZA



JAKET keselamatan dengan ruang khas untuk barangan perubatan.



ARIF bersama rekaannya.



JULIZA bersama rekaannya.



'STRETCHER' digunakan untuk mengangkut mangsa.



ARIF



DR SHAHRIZAL



BARANGAN perubatan juga boleh disimpan dalam ruang khas.

2 IDEA KREATIF MAHASISWA UPM



Siti Farahiyah Aziz
Gen.y@hmetro.com.my

Hasil sentuhan inovatif mahasiswa di SEEDS Showcase 2016 ternyata mengagumkan. Di sebalik rekaan yang menentang kreativiti dan penyelesaian masalah, penulis tertarik dengan rekaan yang lebih tertumpu kepada isu bencana alam. Ikuti temu bual penulis bersama dua pelajar yang berjiwa besar ini.

Replika dron Audra rekaan Muhammad Arif Anuar, 24, dianggap kelainan yang mampu meningkatkan tahap keberkesanan dalam misi bantuan kepada mangsa banjir.

Arif berkata, idea itu didorong isu banjir yang melanda negeri pantai timur dua tahun lalu. Katanya, melihatkan isu penduduk masih terkandas menerima bantuan makanan memberikannya inspirasi untuk cuba mengatasi masalah itu.

"Dron ini mampu mengatasi masalah kerana ia lebih selamat dan mudah memasuki kawasan yang sukar dilalui helikopter, bot dan lori.

"Dron ini boleh memuatkan ubat-ubatan, 'powerbank', beras, gandum, air mineral dan makanan dalam tin. Ia juga dikawal dari jauh, bermakna kita boleh mengelak risiko kemalangan yang biasa menimpa kenderaan dengan pemandu akibat cuaca buruk," katanya.

Menurut Arif, dia percaya dengan idea ini berpotensi membawa manfaat yang besar pada misi bantuan dan menjimatkan masa, kos serta risiko.

Sementara itu, Juliza Jamian, 25, menentangkan idea jaket keselamatan untuk pasukan perubatan.

"Isu bencana alam seperti banjir dan gempa bumi perlu diambil serius dan kita perlu sediakan kelengkapan serta bantuan sebaik mungkin.

"Justeru, saya cuba fikirkan idea untuk memudahkan kerja pasukan penyelamat yang boleh mengurangkan risiko dan menjimatkan ruang," katanya.

Rekaannya menggunakan fabrik kalis air dan boleh terapung turut mempunyai 'stretcher' dan ruang untuk meletakkan barangan

perubatan bagi memudahkan kerja menyelamatkan mangsa tanpa perlu membawa peralatan berasingan.

Produk ini turut mendapat perhatian Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk dimajukan.

Penyelaras Program SEED Showcase 2016, Dr Mohd Shahrizal Dolah berkata, acara kali kedua oleh UPM ini mampu meningkatkan kreativiti pelajar tahun akhir jurusan seni reka bentuk perindustrian untuk mereka bentuk produk yang dapat menyelesaikan masalah pengguna.

"Mereka mencipta produk berdasarkan kajian berkaitan masalah pengguna antaranya membabitkan isu bencana alam dan menyelamatkan.

"Untuk mendapat gambaran tepat mengenai masalah dihadapi, pelajar menemu ramah pengguna yang kerap berdepan masalah itu dan dari situ mereka cuba mencipta produk yang boleh mengatasinya," katanya.

Menurutnya, agensi, syarikat dan pembangun industri berkaitan turut hadir untuk memajukan produk siswa tahun akhir ini.

Justeru, dia berharap produk dipilih boleh dibangunkan dan diguna pakai dalam industri.